



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 4 RABU 26 JANUARI, 1966.

رابو 4 شوال 1385

PERCHUMA



D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin.

SAMBUTAN HARI RAYA: TITAH UCHAPAN D.Y.M.M. DARI LONDON

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah menyeru ra'ayat dan penduduk Negeri Brunei supaya menambah dan memperbaiki hasrat pada chintakan keamanan, ketenteraman serta bersungguh2 mengawal keselamatan negeri ini.

Baginda bertitah demikian ketika mengucapkan titah Selamat Hari Raya kepada kaum Islam di-negeri ini yang telah di-siarkan melalui Radio Brunei pada 23 Januari yang lalu.

Baginda pada masa ini sedang bersemayam di-London dan titah ucapan Baginda itu telah di-rakamkan di-sana.

Sa-terus-nya, Baginda menyeru penduduk2 negeri ini supaya menanamkan hasrat pada menghubungkan faham berbaik2 di-antara satu dengan yang lain serta mengeratkan lagi persahabatan Negeri Brunei dengan Kerajaan Baginda Queen.

Kapada pasokan2 keselamatan di-negeri ini, Baginda telah mengucapkan terima kasih atas kejayaan mereka dalam menjalankan tugas dan dapat mengekalkan keamanan dan ketenteraman dalam negeri, serta keselamatan diri Baginda.

Bagitu juga kapada Pegawai2 Kerajaan dalam segala peringkat, Baginda mengucapkan terima kasih kerana ketabahan mereka pada melancarkan pentadbiran negara dan Baginda berdo'a semoga Negeri Brunei akan kekal dalam aman makmur dan bertambah2 mendapat nikmat bahagia laila sentosa.

Ucapan terima kasih Baginda itu juga telah di-tujukan kapada pasokan2 keselamatan yang telah di-perbantukan oleh Kerajaan Baginda Queen bagi mengawal ketenteraman dan keselamatan Negeri Brunei.

Menteri Besar Brunei Menyeru Raayat Supaya Bekerjasama

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun menyeru kapada seluruh ra'ayat di-negeri ini supaya membuat baik dan memberikan kerjasama kapada Ranchangan Kemajuan Perlembagaan Negara untuk menuju ka-arrah kemajuan Negeri Brunei Darus Salam.

Seruan tersebut ada-lah terkandung dalam ucapan Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal sebagai menyambut Hari Raya Aidil Fitri, melalui Radio Brunei.

Ucapan itu ada-lah di-siarkan dengan sa-penoh-nya seperti berikut:

Menjelang-nya 1 haribulan Shawal, tahun 1385 ini maka saya mengambil peluang mengucapkan selamat Berhari Raya kapada seluruh umat Islam di-Brunei khas-nya dan di-seluruh dunia am-nya.

Di-hari raya yang mulia ini, mari-lah kita bershukor kapada Tuhan kerana kita telah dapat menunaikan fardzu puasa dengan sa-baik2-nya dan mari-lah kita berdo'a agar kita akan dapat menunaikan puasa dengan baik-nya dan sempurna di-tahun2 yang akan datang.

HENDAK-LAH INSAF.....

Di-samping itu tentu-lah banyak perkara2 yang patut kita jadikan chuntoh di-masa kita menunaikan fardzu puasa itu, khas-nya kita hendak-lah insaf bahawa bagaimana pahit dan getir-nya manusia2 yang melarat yang tidak tentu makan minum-nya. Oleh yang demikian hendak-lah kita menanamkan di-jiwa kita perasaan ingin tulung menolong dan bekerjasama untuk mencapai satu masyarakat yang adil dan ma'amor yang di-ridhai Tuhan.

Dalam perkara ini, saya suka menerangkan; kemaamoran, keadilan, ketenteraman, tidak akan dapat di-chapai dengan tidak ada-nya perasaan persamaan, perasaan tulung-menolong, dan perasaan bergotong-royong. Mudah-mudahan dengan berkat hari yang mulia ini kita umat Islam di-Brunei ini akan dapat meng-insafi dan mengamalkan buat

selama2-nya untuk kebajikan ra'ayat dan negeri kita sendiri.

Sabagai Ketua Pentadbir di-negeri ini, saya ingin menarek perhatian kapada seluruh penduduk di-negeri ini supaya tuan2 akan dapat memerhatikan dan bershukor dengan ada-nya kemajuan2 yang telah di-usaha-kan oleh Kerajaan pada tahun2 yang lalu.

Saya perchaya tentu-lah segala usaha2 dan kemajuan2 yang telah kita saksikan itu tidak akan dapat di-laksanakan dengan baik-nya jikalau tidak dengan kerjasama daripada beberapa bahagian untuk menjalankan dan memajukan perusahaan dan kemajuan2 ini. Ini juga terbukti ra'ayat di-negeri ini ada-lah memberikan kerjasama-nya kapada Kerajaan. Saya tidak pula menupakan penduduk2 yang bukan ra'ayat di-negeri ini ada-lah juga bersama2 sa-bahagian memberikan kerjasama-nya untuk kemajuan yang kita telah lihat pada hari ini.

Oleh itu tiap2 ra'ayat ada mempunyai tanggung-jawap yang besar di-dalam mendukung segala usaha2 kemajuan yang di-ranchangkan oleh Kerajaan sa-bagai yang tuan2 telah maalam sekarang negeri Brunei sedang menuju pula ka-arrah kemajuan Perlembagaan.

Pilehan raya bagi memilih wakil2 untuk duduk di-dalam Majlis Mashuarat Daerah dan juga di-dalam Majlis Mashuarat Negeri telah pun di-adakan dan sistem kementerian di-tuboh. Ini ada-lah sesuai dengan chita2 Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang ingin memberikan kuasa sachara

beransor2 kapada ra'ayat-nya dalam mengendalikan dan mentadbirkan negeri ini.

Oleh yang demikian saya berseru kapada seluruh ra'ayat di-negeri ini supaya akan membuat baik dan memberikan kerjasama kapada ranchangan kemajuan Perlembagaan yang akan kita jalankan kerana ada-lah di-perchayai dengan penoh (Lihat Muka 8)



Y.A.B. Dato Seri Paduka Marsal

Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1966

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1966 akan di-adakan di-Dewan Matkab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei, pada malam hari Juma'at 28 Januari, 1966.

Pada tahun ini tiket2 akan di-jual untuk menonton Pertandingan Bintang Radio Brunei. Di-samping itu, para penonton yang mempunyai "nombor2 tiket yang bernasib baik" akan di-berikan berba-gai2 hadiah yang istimewa.

Tiket2 itu berharga \$2, \$1.50 dan \$1 boleh di-beli dari Jabatan Penyiaran dan Penerangan di-Bandar Brunei; Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Kuala Belait; dari Awang Noordin, Pegawai Pengawal Siaran Radio, Tutong; dari Awang Jumat di-Bilek Bachan Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bangar, Temburong sa-belum 28 Januari atau pun di-Dewan Matkab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar

(Lihat Muka 8)

KURSUS PENGAJARAN BAHASA

oleh Ibrahim Mohd. Said

SATU persoalan yang sering di-dengar 'Apakah perbezaan di-antara bahasa dan pilat? George Bernard Shaw, sa-orang pujangga Inggeris yang terbesar di-abad ini pernah berkata: 'England dan Amerika ada-lah dua negara yang terpisah oleh bahasa yang sama'.

Sa-benar-nya persoalan yang mudah ini, bukan-lah senang untuk di-jawab. Sechara siasah barangkali mungkin ada orang yang menjawab 'Bahasa adalah suatu yang di-terima dengan resmi sebagai bentuk yang bersifat nasional atau kebangsaan, sedangkan pilat tidak'. Jika definisi ini dapat di-terima, akan dapat-lah kita mengambil bandingan dengan bahasa Jawa di-Indonesia yang dituturkan oleh tidak kurang dari 40 juta jiwa, namun ia bukan bahasa kebangsaan bagi Indonesia yang mengambil dasar bahasa kebangsaan-nya dari bahasa Melayu. Demikian pula hal-nya dengan apa yang berlaku di-negeri Inggeris, pilat2 bahasa Welsh dan Breton bukan-lah bahasa kebangsaan negeri itu tetapi bahasa Inggeris.

Dan jika hal ini di-pandang dari sudut sastera mungkin ada pula orang yang mengatakan, 'Bahasa ada-lah suatu bentuk pertuturan yang melahirkan sastera; sedangkan pilat tidak demikian'. Dalam definisi ini, ada yang mungkin dapat di-terima, ada pula yang tidak mungkin di-terima. Kerana ada juga pilat2 atau logat daerah yang dapat memberikan sumbangan sastera, meskipun bahasa kebangsaan-nya memang ada.

Jawaban ketiga mungkin berbunyi 'Tidak ada perbezaan antara pilat dan bahasa'. Bahasa sebenar-nya suatu logat atau kepilatan dari suatu kumpulan yang kebetulan dapat mengandalkan kuasa di-sebabkan negeri, atau sekurang2-nya mempengaruhi keadaan di-suatu tempat; yang lebih besar pengaruh-nya dari lain2 logat atau pilat di-tempat itu.

KEBUDAYAAN DAN SEJARAH

Sa-benar-nya, jawaban yang paling tepat dalam hal ini tidak ada. Sedangkan para serjana bahasa sendiri mempunyai pendapat2 yang berlainan dan belum dapat memberikan suatu kesimpulan yang pasti. Kerana sesuatu pengkajian

langsung dalam hal bahasa menghendaki penelitian yang penoh tridasi, kebudayaan dan sejarah dari suatu bangsa yang mempunyai-nya. Ya, bahasa-nya mungkin sama, tapi mungkin pengertian-nya, sebutan-nya, chara bentuk kalimat-nya berlainan; dengan sendiri-nya bahasa berubah bentuk-nya menjadi suatu kepilatan daerah yang tertentu.

Demikian-lah hal-nya, bila mana suatu bahasa persatuan

Di-antara prinsip2 yang menjadikan kepilatan daerah menjadi satu atau terpaksa mengambil suatu keseragaman bahasa kesatuan ia-lah beberapa aspek2 yang penting seperti pelajaran, perniagaan, ketenteraan, latar belakang keagamaan, hal2 siasah dan kesedaran nasional. Sesungguh-nya perkara2 ini-lah yang menyebabkan suatu bangsa itu berikhtiar dan berusaha mencari jalan penyatuan di-atas dasar

*Berbakti-lah Kapada Negara
Dengan Menggunakan Bahasa
Melayu Sa-tiap Masa*

atau bahasa kebangsaan bagi sebuah negara atau bangsa telah berbeza, logat2 daerah atau pilat dengan sendiri-nya beransor2 muram dan tenggelam makin jauh kedasar-nya hal mana memberikan tempat kapada logat yang standard untuk maju sebagai bahasa kesatuan yang tunggal. Perkara ini harus-lah di-sedari, bila logat2 atau pilat daerah itu tidak mau mengalah atau tunduk kapada satu logat kebangsaan, maka suatu bahasa kesatuan akan mustahil dapat terbentuk dalam suatu negara itu. Perkara ini dapat kita ambil suatu perbandingan yang nyata apa yang terjadi di-India, yang hingga kini belum dapat menjadikan bahasa Hindustan sebagai bahasa kebangsaan yang tunggal di-seluruh India, kerana masing2 puak yang bertutur dengan logat-nya sendiri enggan menerima Hindustan sebagai bahasa kesatuan. Untuk memilih jalan tengah dan mengelakkan sentemen puak2 itu, maka kerajaan India terpaksa menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa resmi negara.

Tetapi bagi kita di-seluruh kepulauan nusantara Melayu ini, baik di-Indonesia, di-Malaya atau di-Kalimantan ini, soal menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kesatuan tidaklah menjadikan satu soal yang sulit, kerana telah jelas-lah bahawa dengan sifat2 khusus yang telah di-mileki oleh bahasa Melayu itu, dapat melayakkan ia-nya menjadi suatu bahasa nasional yang tunggal dan berdaulat. Lagi pula apa pun kepilatan daerah dalam kawasan yang besar ini, memang ada-lah perkaitan dasar-nya dengan bahasa Melayu sebagai ibu dari semua logat2 itu tadi.

yang konkrit dan nyata ia-itu mempunyai bahasa yang sama.

Di-negara Tiongkok sendiri, suatu negara yang mempunyai penduduk paling ramai di-dunia, ada-lah sebuah negara yang mempunyai kepilatan daerah yang banyak, barangkali berpuluh2 malah beratus kepilatan daerah yang tersendiri. Untuk mengatasi keadaan ini, mereka harus-lah mempunyai suatu bahasa kesatuan atau bahasa nasional.

Hal ini terdapat pula di-Amerika Sharikat, penduduk2 Amerika Sharikat sa-benar-nya bukan-lah penduduk asli negara itu, malah mereka ada-lah pelbagai2 yang datang dari Eropah, dan mempunyai bahasa yang berlainan pula. Maka untuk membentuk sebuah negara yang mempunyai satu bahasa kesatuan, maka Amerika menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa resmi dan bahasa nasional mereka. Hal

ini tidak-lah menghairankan, bila di-Amerika terdapat bentok atau logat bahasa Inggeris yang berlainan dengan yang terdapat di - Britain sendiri, maksud-nya pertuturan sehari2 orang2 Amerika.

BAHASA NASIONAL

Bahasa standard atau bahasa nasional bagi satu2 bangsa atau negara ada-lah di-ambil dari bahasa yang sekurang2-nya mempunyai pengaruh dan nilai yang lebih baik dari kepilatan daerah yang lain. Bahasa Melayu yang standard ada-lah di-dasarkan kapada logat daerah Riau-Johor, yang sekarang ini pula beransor2 berubah dalam perkembangan baru, dari dua pengaruh dan aliran bahasa Melayu moden di-Malaya dengan Bahasa Melayu atau Bahasa Indonesia. Bahasa Russia yang standard di-ambil dari logat Moscow, bahasa Jepun di-ambil dari logat Tokyo, dan bahasa kebangsaan Tionghua Mandarin berasal dari daerah Pei Ping.

Bagaimana pun, logat atau kepilatan daerah tidak-lah akan hilang dari kita. Bagaimana pun menurut hukum2 tertentu ia akan tetap ada, tumbuh di-sisi bahasa nasional bagi suatu2 negara. Sekurang2-nya ia akan menjadi lambang kedaerahan dalam satu2 negara mithal-nya kita akan mengenal orang2 Melayu dari mana-kah daerah asal-nya dengan mendengar gaya atau logat pertuturan-nya. Orang2 Melayu dari daerah Sumatra dapat di - bedzakan dengan orang2 Melayu dari Brunei atau tempat2 lain dengan mendengar logat pertuturan-nya.

Keadaan2 yang timbul seperti ini-lah menjadikan pengkajian dalam selok belok bahasa semakin luas untuk di-perkatakan.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 26 Januari hingga ka-hari Selasa 1 Februari, 1966 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Matahari						
Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
26	12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36
27	12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36
28	12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36
29	12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36
30	12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36
31	12-39	3-59	6-36	7-47	5-07	5-21	6-36
1	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Dunia Hari Ini:

GERAKKAN SUBVERSIVE KOMINIS DI-AMERIKA SELATAN

GERAKKAN subversive Kominis di-Amerika Selatan, tidak-lah serupa gereakkan-nya seperti di-Vietnam, atau di-setengah2 negara yang menjadi mangsa kapada Kominis, walau-pun ia-nya merupakan berbagai chorak gerakan.

Saperti di-Vietnam jelas diketahui gerakan Kominis dijalankan sechra terang2, dengan menggunakan senjata, bertempur dengan pehak kerajaan, seperti yang berlaku sekarang, dengan tujuan untuk merampas kuasa sabuah kerajaan demokrasi, yang memerintah, menurut chorak pemerintahan di-negeri itu.

Tetapi gerakan subversive di-Amerika Selatan tidak-lah sebesar gerakan yang berlaku diwilayah Indo-China itu, namun tujuan-nya yang utama serupa.

Mithal-nya di-Venezuela, Kominis menjalankan gerakan subversive-nya, dengan membunuh anggota2 pulis yang meronda di-bandar raya itu, selain dari bergerak mele-top atau menghancurkan saloran bekalan ayer dan gas.

Selain dari mengancam keselamatan anggota pulis beruniform, dan yang berpakaian pereman di-Venezuela, gerakan Kominis itu juga, ada-lah mengancam ketenteraman awam.

Di-Peru pula, gerakan dilakukan oleh kaum tani, yang di-pengarohi oleh anasir2 Kominis. Kaum tani yang jumlah besar bilangan-nya itu, bergerak mendudoki satu2 kawasan di-tanah2 yang tinggi, dengan merampas harta benda setengah2 kaum tani, yang tidak menyebelahi-nya, di-kawasan yang mereka serang.

Di-Uruguay, gerakan dijalankan dengan mengadakan tunjok2 perasaan, sechra besaran2 dan mogok umum hasutan Kominis. Dari gerakan ini sering berlaku peristiwa perkelahian antara awam dengan pulis, yang menyebabkan banyak nyawa terkorban.

TEKTIK BRU

Sementara di-Guatemala, Kominis menggunakan taktik berchorak serba baru, ia-itu pelaksanaan gerakan mencholek, ka-atas mereka yang di-fikirkan boleh membantu pergerakan itu, apabila yang di-cholek itu di-tebus nanti.

Dalam beberapa bulan yang lalu, Kominis di-Guatemala telah mengakibatkan kumpulan, kesensaraan dan rasa bimbang di-kalangan perniagaan, melemahkan kedudukan ekonomi negara, dan dengan ketibaan masa pilihan raya umum yang semakin hampir itu, nya-

ta ini mungkin mengoyangkan kedudukan kerajaan jadi semula, Colonel Enrique Peralta Arzudia, berusia 57 tahun yang mentadbirkan negara Guatemala dari semenjak tahun 1963.

Selama waktu itu, Peralta telah membimbing Guatemala di-atas satu landasan, yang menuju ka-arrah kema'moran yang tidak setara, dengan jalan meluaskan pengeluaran hasil pertanian, meletakkan perhatian berat, ka-atas perusahaan baru dalam negeri dan menambahkan usaha perdagangan dengan luar negeri. Peralta juga mengumumkan bahawa beliau akan mengeneppikan diri selepas pilihan raya umum, yang di-jadualkan berlangsung pada 6 Mach, kurang dari sabulan setengah dari sekarang.

Tetapi apa yang menjadikan risau kapada Peralta ia-lah ada-nya dua gerakan Kominis, satu-nya berasal dari Moscow dan satu-nya lagi gerakan yang di-buat chara Peking. Kumpulan2 yang di-haramkan ini telah bergerak, melakukan pencholekan dalam bulan November tahun lepas.

Gerakan pencholekan Kominis di-Guatemala ada-lah membimbangkan golongan perniagaan, yang selama ini menjadi mangsa kapada anasir2 Kominis. Akan gerakan itu sa-orang wartawan khas dari Guatemala telah membuat beberapa laporan.

TEBUSAN

Dalam bulan November itu, sa-orang hartawan di-bandar raya Guatemala, telah di-cholek, hanya beberapa ela sahaja dari markas tentera, dan dia telah di-bebaskan setelah memberikan wang tebusan sebanyak 80,000 ringgit.

Sa-orang hartawan yang lain pula membayar wang tebusan sebanyak 100,000 ringgit, sementara sa-orang dari keluarga perniagaan yang lain di-kena-kan sebanyak 75,000 ringgit.

Dari wang ini-lah, mereka akan menggunakan, untuk sesuatu dalam gerakan menentang kerajaan tempatan, di-Guatemala, dan pada masa itu, kesemua-nya sembilan kejadian pencholekan di-beritakan. Tetapi tidak sa-orang pun yang mengetahui, berapa banyak lagi kejadian yang di-rahsiakan oleh setengah2 keluarga yang berasa chemas.

Dalam kejadian pencholekan itu semua, hanya sekali sahaja pehak pulis berjaya meng-

hanchorkan satu gerakan, selepas mereka bertempur selama tiga jam dengan pencholek2 yang bersenjata di-bandar raya Guatemala.

Sa-orang daripada pencholek terbunuh, dua di-tangkap dan tiga di-beritakan berjaya chabot, menyelamatkan diri. Walaupun mereka gagal untuk mendapatkan 75,000 ringgit, tetapi sa-hari kemudian-nya pencholek2 yang berjaya chabot tadi, berhasi mendapatkan tebusan sebanyak itu, setelah mereka mengancam keluarga, yang di-cholek melalui talipon.

Menurut wartawan tadi, di-sini nyata, bagaimana kelemahan pehak pulis Guatemala kerana tidak mendapat kerjasama dari orang ramai, yang sementiasa dalam keadaan ketakutan, akan anasir2 penganas asutan Kominis itu.

HUKOMAN

Apabila tindakan sukar dijalankan, untuk menghapuskan terus gulungan pencholek2 itu, Peralta dengan segera, beberapa minggu ini, mengeluarkan perintah supaya pencholek2 yang di-tangkap, di-jatuhkan hukuman mati.

Untuk mengukuhkan langkah pulis, maka Peralta telah mengarahkan sa-orang pegawai tentera yang berpangkat colonel, mentadbirkan gerakan pulis di-Guatemala. Hadiah sebanyak 25,000 ringgit juga telah di-tawar-kan kapada sesiapa jua, yang dapat menangkap, atau memberikan ma'lumat hingga tertangkapnya dua orang pemimpin kumpulan pencholek itu.

Peralta juga, dalam pengu- muman itu menyakinkan negara, bahawa kerajaan-nya dapat memelihara undang2 dan ketenteraman, serta menjamin keselamatan Guatemala.

Walaupun jaminan2 ini telah di-berikan, tetapi kebanyakkan dari saudagar2 yang kaya, tidak begitu yakin, atau dapat menerima jaminan Peralta itu, dan sahingga minggu lepas, setengah dari saudagar2 itu menyewa sechra private pegawai2 keselamatan untuk melindungi mereka.

Bagaiman pun, setengah yang lain-nya menchari perlindungan mereka, dengan chara yang di-haramkan oleh kerajaan, ia-itu dengan membayar peruntukkan, sebagai yuran gelap, kapada anasir2 jahat tiap2 bulan, supaya mendapat perlindungan dari mereka.

Kemudian ada juga di-antara keluarga hartawan, yang berpindah dari bandar raya itu pergi ka-El Salvador, Mexico ia-itu satu lagi chara untuk menchari perlindungan.

Ini-lah masalaah utama yang di-hadapi sekarang oleh pemerintahan Peralta. Hingga-kan masalaah ini menjadi tajok kempen dalam pilihan raya bulan Mach depan.

Ada-lah di-fahamkan bahawa semua chalon yang bertanding dalam pemilihan itu, bolehlah di-katakan, akan memberikan cheramah atau pidatunya mengenai soal itu, dalam usaha untuk menarik pengundi2 dalam pilihan.

Sa-orang chalon dari pehak pembangkang, Gerakan Pembebasan Kebangsaan berhaluan kanan, telah menda'wa, bahawa dia dapat mematahkan gerakan subversive di-Guatemala, dan menyap-kan anchaman2 Kominis dalam tempoh dua atau tiga bulan, dengan menjalankan langkah2 ketat yang terhad. Sementara chalon dari Institutional Democratic Party menerangkan, bahawa keganasan yang berlaku di-Guatemala sekarang, hanya-lah satu tindakan sementara yang akan lenyap.

Dengan kenyataan dari chalon2 itu tadi, nampak-nya mereka, saolah2 ketahui benar akan isi gerakan ganas di-Guatemala itu, sedangkan pehak pulis sendiri, yang bergerak untuk menghapuskan-nya, tidak dapat memberikan ramalan, bila anasir2 ganas itu dapat di-hapuskan.

RAMALAN

Baru2 ini, terdapat juga khabar2 angin, jika Peralta gagal untuk menghanchorkan keganasan di-Guatemala, ada kemungkinan beberapa orang kuat tentera, akan munchol, bertindak tegas dan membuat satu daya usaha baru, dalam lain2 perkataan mengambil alih pemerintahan Peralta, yang demikian tidak berfaedah di-adakan pemilihan raya bulan Mach ini.

Bagaimana pun khabar2 angin yang kuat bertiup itu, mungkin dapat di-buktikan dalam perantaraan satu bulan setengah ini, hingga 6 Mach, masa di-jadualkan berlangsung-nya pilihan raya Guatemala.

oleh
Hanafi
Joffri

Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei:

SO'AL JAWAB BERTULIS

(SAMBONGAN)

SO'ALAN:

32. Rombongan2 ka-seberang laut.

Berapa ramai-kah pegawai2 yang telah pergi mengikuti rombongan2 ka-seberang laut dalam tahun 1964-1965? Apa-kah tujuan rombongan2 itu dan siapa-nya yang pergi? Berapa-kah jumlah perbelanjaan yang telah di-belanjakan (a) Bagi tiap2 rombongan dan (b) Jumlah sehingga tarikh ini (ia-itu 1-1-64 hingga hari ini) dan berapa banyak-kah yang telah di-belanjakan ka-atas (1) Tambang, (2) Hotel, (3) Alaon2, (4) Perjemuan (5) Rampaian?

JAWAPAN KERAJAAN:

32. Ada-lah sangat sukar untuk memberi nama2 pegawai2 Kerajaan yang telah di-hantar untuk menghadiri Persidangan2 di-seberang Laut di-dalam tahun 1964 dan 1965 kerana bilangan-nya terlalu banyak. Tetapi walau bagaimana pun Brunei telah diwakili di-dalam persidangan2 yang berikut:—

- (i) FAO/ECAFE; Centre on Institutions for Agricultural Financing and Credit in Bangkok dari 2 — 14hb. September, 1964;
- (ii) Second Regional Conference on Legal Education di-Singapura dari 20 — 25hb July, 1965;
- (iii) Meeting of the Malaysia National Mapping Committee di-Kuala Lumpur pada 28hb. September, 1964.
- (iv) World Muslim Conference di-Mogadishu dari 1 — 7hb Disember, 1964;
- (v) First General Assembly of Asian Broadcasting Union di-Sydney dari 13 — 23hb November, 1964;
- (vi) Conference on Conservation of Nature and Natural Resources in Tropical South East Asia di-Bangkok dari 29 November — 4hb Disember, 1965;
- (vii) ECAFE Asian Conference on Industrialization di-Manila dari 6hb — 20 hb Disember, 1965;
- (viii) Universal Postal Union Congress di-Vienna dari 29hb May — 11hb July, 1964;
- (ix) ECAFE 21st Session At Wellington, New Zealand dari 16hb — 29hb March, 1965;
- (x) Asian Broadcasters' Conference di-Tokyo dari 21hb — 29hb October, 1965.

(xi) Persidangan2 Bulanan Tali-kom yang di-adakan di-Kuala Lumpur, Singapura dan Jesselton; dan

(xii) Persidangan2 Lembaga Pengarah Sharikat Penerbangan Borneo Berhad yang di-adakan 3 kali di-Jesselton pada 31hb January, 1964, 22hb May, 1964 dan 16hb July, 1965 di-Singapura dan Kuala Lumpur masing2-nya pada 8 hb February, 1965 dan 27hb August, 1965.

Perbelanjaan2 kerana menghantar perwakilan2 ini ia-lah: 1964 — \$123,330.53 dan 1965 — \$150,849.47. Dukachita tidak dapat memberi pechah2an perbelanjaan ini bagi menunjukkan jumlah2 yang di-belanjakan kerana (a) Tambang; (b) Hotel; (c) Alaon; (d) Perjamuan; dan (e) Perbelanjaan2 rampaian.

SO'ALAN:

33. Jawatan2 Pemangku.

Berapa ramai-kah pegawai2 yang berjawatan Ketua Pejabat dan ka-atas yang telah menerima alaon pemangku kerana membantu tugas2 yang kedua (atau mungkin lebih dari itu) dari semenjak 1-1-64? Dapat-kah Kerajaan memberitahu gaji dan jumlah alaon2 pemangku tiap2 satu daripada mereka itu dapat dan berapa lama-kah mereka itu telah mendapat alaon2 ini dan kerana sebab2 apa-kah? Jika jumlah gaji dan alaon2 ini besar dapat-kah Kerajaan menimbangkan jawatan khas bagi beberapa orang pegawai2 yang berpangkat tinggi yang dapat di-lantek untuk memangku semasa pegawai2 pergi berchuti, sakit, ke'uar negeri untuk menchegeh pegawai2 dari membuat 2 kerja atau lebih?

JAWAPAN KERAJAAN:

33. Dasar mengenai lantekan pemangku ada-lah di-ikuti daripada Kerajaan2 yang lain ia-itu pegawai yang terkanan di-bawah tangan pegawai yang bersangkutan di-lantek untuk memangku jawatan ini apabila ia-nya pergi chuti. Di-dalam jabatan2 yang kecil ada kala-nya pegawai2 dari lain jabatan di-lantek untuk memangku-nya.

SO'ALAN:

34. Hotel2.

Apa-kah bantuan yang Kerajaan sedia memberi kepada sesiapa yang suka membina sa-buah hotel yang terbaik (yang mana akan menarek pelancong2 dan dengan itu

mengadakan faedah2 kepada orang2 negeri ini), dengan chara memberi tempoh pembebasan dari chukai, pengechualian dari chukai ka-atas alat2 perkakas, membantu dalam masaalah2 Imigresen (kemasokan pekerja2 yang mahir dari seberang laut buat permulaan-nya) dan lain2 lagi?

JAWAPAN KERAJAAN:

34. Kerajaan belum dapat memberi bantuan dalam perkara ini.

SO'ALAN:

35. Tangga Gaji Pegawai Professional.

Dapat-kah Kerajaan menimbangkan agar di-naikkan tangga gaji bagi pegawai2 yang berkelayakan Profesional dari tangga gaji yang ada sekarang hingga sekurang2-nya ka-tangga gaji 5 atau 6 dalam bahagian 1?

JAWAPAN KERAJAAN:

35. Tangga gaji pegawai Kerajaan ada-lah di-tetapkan menurut peratoran.

SO'ALAN:

36. Setem.

Sekarang bahawa Kerajaan telah pun mengeluarkan 2 setem baharu untuk mengingati Kesatuan Talikorn Antara Bangsa, tidak-kah dapat di-adakan 1 set baharu yang lengkap untuk mengingati kejadian2 seperti perkahwinan Duli Pengiran Muda Mahkota, Perkahwinan Duli Pengiran Anak Puteri Masna, perusahaan2 tempatan dan tempat2 yang menarek pemandangan?

JAWAPAN KERAJAAN:

36. Kerajaan menguchapkan terima kasih di-atas ingatan Awang dalam perkara ini, tetapi masa-nya terlalu lewat untuk melaksanakan-nya.

SO'ALAN:

37. Menda'awa Kerajaan.

Dapat-kah Kerajaan mengadakan Undang2 (sebagai mana yang di-lakukan di-Malaysia dan tempat2 lain) manakala jika perlu Kerajaan boleh di-da'awa?

JAWAPAN KERAJAAN:

37. Kerajaan akan menimbang-kan perkara ini.

SO'ALAN:

38. Peranchang Bandaran.

Oleh kerana keadaan semakin bertambah buruk, apakah langkah2 yang sedang di-ambil untuk mengambil bekerja sa-orang Peranchang Bandaran yang berkelayak-

an sebelum hal ini menjadi semakin buruk?

JAWAPAN KERAJAAN:

38. Kerajaan sudah pun melantek Peranchangan Bandaran, untuk berkhidmat sementara waktu.

SO'ALAN:

39. Kelewatan2 dalam pengambilan bekerja.

Tidak-kah dapat Kerajaan menyegerakan chara dengan mana pada masa sekarang masa 6-12 bulan di-ambil bagi menasehatkan sa-orang pemohon kerana sesuatu jawatan kosong yang di-iklan tentang bila-kah temu-ramah akan di-adakan, oleh kerana kelewatan yang berpanjangan yang berlaku sekarang ini dengan tidak di-beri nasehat kerap di-anggap berma'ana yang jawatan kosong itu telah pun di-penohi? Berapa lama-kah tempoh yang biasa bagi sa-orang pemohon di-beritahu yang ia di-kehendaki menghadziri temu-ramah sa-lepas temu-ramah berapa lama-kah tempoh yang biasa sebelum sebarang jawapan, sama ada menolak atau menawarkan pekerjaan itu di-beri?

JAWAPAN KERAJAAN:

39. Boleh dengan sechara beransor2. Tempoh-nya tidak dapat di-tetapkan kerana ini ada-lah menurut keadaan.

SO'ALAN:

40. Persidangan Majlis Mashuarat Negeri.

Untuk menyegerakan kerja, tidak-kah dapat Majlis Mashuarat Negeri bermashuarat dengan lebih kerap lagi — sekurang2-nya 3 bulan sekali, atau pun lebih dari itu bergantung di-atas agenda?

JAWAPAN KERAJAAN:

40. Boleh di-atorkan, tetapi tergantung kepada keadaan banyak perkara2 yang akan di-bincangkan.

SO'ALAN:

41. Kera'ayatan.

Dapat-kah Kerajaan menimbangkan kemungkinan di-kurangkan tempoh kelamaan tinggal untuk melayakan sa-saorang menjadi ra'ayat, bagi menyamakan-nya dengan Peratoran2 yang di-pakai di-kebanyakan negeri2 lain, dan bila-kah undang2 baharu ini akan di-buat?

JAWAPAN KERAJAAN:

41. Brunei ada mempunyai Undang2 Kera'ayatan sendiri dan tidak semesti mengikut negeri lain.

(BERSAMBONG)

Halaman Ugama:

SEMBAHYANG HARI RAYA

ADA pun Sembahyang Hari Raya 'Idil Fitri itu hukum-nya "Sunat Mu'akkadah", ia-itu sunat yang di-kuatkan.

Sembahyang Hari Raya 'Idil Fitri di-lakukan pada 1 Shawal, ia-itu sa-telah genap 30 hari bulan puasa (Ramadhan), atau sa-telah dapat dilihat anak bulan (Ru'yah) pada malam 30 Ramadhan, sa-telah 29 hari berpuasa.

Waktu sembahyang Hari Raya 'Idil Fitri ia-lah daripada naik matahari kadar sa-galah, hingga gelinoh matahari pada hari itu.

Sembahyang Hari Raya itu dua reka'at, dan di-sunatkan melakukan-nya beramai2 (berjama'ah). Pada reka'at yang pertama sunat membaca "Takbir" sa-banyak 7 kali, dan di-lakukan sa-lepas "Takbiratul Itham" — sa-belum membaca Fatihah. Pada reka'at yang kedua sunat membaca

oleh

Badan Penerangan Ugama Islam, Brunei.

"Takbir" sa-banyak 5 kali sa-belum membaca Fatihah.

Pada selang2 "Takbir" yang 7 kali pada reka'at yang pertama dan yang 5 kali pada reka'at yang kedua sunat membaca "Tasbihi" yang telah ditentukan ia-itu:

Subhanallah, walhamdullillah, wala ilaha illallah, wallahu akbar.

Sa-lepas sembahyang Hari Raya itu, sunat bagi Imam atau Khatib membaca 2 Khotbah Hari Raya, ia-itu sa-perti Khotbah Juma'at pada shariat2 dan rukun2-nya, tetapi segala khotbah itu hendak-lah yang ada sangkut paut-nya dengan peristiwa Hari Raya yang di-mulikan itu.

HIKMAT2 SEMBAHYANG HARI RAYA

Sabagaimana yang kita tahu Ugama Islam menggalakkan

sembahyang berjama'ah (beramai2). Dalam Hadith Nabi Mohammad s.a.w. ada bersabda: "Sembahyang berjama'ah itu lebih utama dan berganda2 pahala-nya daripada sembahyang bersendirian, dengan dua puluh tujuh kali ganda."

Dalam bersembahyang beramai2 (berjama'ah) itu, umat Islam akan dapat berhimpun dan berkumpul beramai2, berdiri sama berbaris2 dengan tidak mengira pangkat kedudukan orang itu, sama ada ia-nya orang yang berpangkat atau orang biasa, orang miskin atau kaya, mereka itu sama2 menghadap kiblat yang satu dan menyembah serta mengabdikan kepada Allah, Tuhan yang satu.

Kalau tiada sempat melakukan-nya pada sa-tiap hari dan

pada sa-tiap waktu, ugama Islam mewajibkan pula Sembahyang Juma'at yang wajib dilakukan beramai2 sa-minggu sa-kali. Dan pada sa-tiap tahun di-sunatkan pula bersembahyang Hari Raya yang diutamakan supaya di-lakukan beramai2 juga dua kali pada sa-tahun, ia-itu Hari Raya Puasa ('Idil Fitri) dan Hari Raya Haji ('Idil Adhha).

PERPADUAN ORANG2 ISLAM

Pada Sembahyang2 Hari Raya ini-lah dapat di-perlihatkan bagaimana hebat-nya perpaduan orang2 Islam, dengan memakai pakaian baru yang berwarna warni, tidak ada bedza membedza antara orang2 besar dengan orang2 kecil, tidak pileh mulia hina, miskin kaya, mereka beramai2 berduyon2 datang dari berbagai tempat, yang jauh dan dekat, sama2 menuju ka-masjid2 di-bandar2, di-pekan2 dan di-desa2.

Sa-telah sama2 turut menaikkan Sembahyang Hari Raya, masing2 dapat pula berjabat tangan (bersalaman2), tanya menanya hal2 dan perkhabaran antara satu dengan lain. Di-situ dapat-lah berkenalan2 antara mereka yang belum berkenalan, dapat-lah berjumpa antara saudara dengan saudara-nya, antara sahabat dengan teman, terutama mereka yang berjauhan atau yang telah lama tidak pernah bersua.

Sa-telah sama2 bersembahyang, akan dapat mengajak teman2 atau saudara mara singgah ka-rumah, bersama2 menikmati rezeki yang telah Tuhan kurniakan, dapat-lah menyambung dan mengeratkan kembali tali persaudaraan, kalau pun ada yang tersilap atau tersalah dapat sama2 berma'afan2. Hilang dan hapus-lah segala dendam sengkita, sa-telah berma'afan2 dan bersalaman2, di-samping sama2 bersyukur ka-hadhrat Allah sambil mengucapkan Takbit dan Tahmid di-Hari Raya yang berbahagia itu.

Ini-lah di-antara hikmat2 Sembahyang Hari Raya beramai2 pada sa-tiap menjelang-nya Hari Raya bagi umat Islam Sa-moga dengan detang-nya Hari Raya 'Idil Fitri yang sama2 kita sambut pada tahun ini akan sama2-lah kita menikmati kebahagiaan Hari Raya, mudah-mudahan akan berjumpa lagi Hari Raya 'Idil Fitri di-tahun2 akan datang.

"Minal 'aidin, Al-Fa'izin."

Majlis Nuzul Al-Koran Di-Temburong

BANGAR. — Satu majlis Nuzul Al-Koran telah di-adakan di Masjid Bangar Temburong pada 6 Januari yang lalu. Ini-lah julong2 kali di-adakan majlis itu di-Daerah Temburong.

Majlis tersebut telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Pemangku Peguwai Daerah Temburong, Awang Chuchu bin Panglima Asgar Haji Abdullah.

Dalam ucapan beliau semasa merasmikan pembukaan, Awang Chuchu telah mengucapkan terima kasih-nya kepada jawatan kuasa atas kejayaan-nya mengadakan Majlis Nuzul Al-Koran tersebut.

Beliau juga menyatakan bahawa majlis sarupa itu tidak akan dapat di-adakan sekira-nya tidak dengan kerjasama dari penduduk2 di-daerah tersebut.

Awang Chuchu juga menegaskan bahawa Ugama Islam adalah ugama resmi negeri ini sebagaimana terhatet dalam Perlembagaan.

Beliau telah berseru kepada penduduk2 di-daerah tersebut supaya bekerjasama dan tolong-menolong antara satu sama lain, kerana bekerjasama dan tolong-menolong itu ada-lah salah satu achara untuk menjaga keamanan.

Kapada penduduk2 yang ber-

ugama Islam daerah tersebut beliau menyeru supaya ta'at mengerjakan apa yang di-suruh oleh Allah dan menjauhi apa segala larangan-nya.

Majlis tersebut telah di-penuhi dengan Sharahan Ugama oleh Awang Saman bin Abdul Kahar sa-orang penuntut Kolej Islami Malaya, dan oleh Ustaz Ali bin Husain dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. Nashid oleh murid2 Sekolah Ugama Sultan Has-

Perjumpaan Hari Raya Persatuan 3PKA

KAMPONG PERAMU. — Satu Majlis Sambutan Hari Raya 'Aidil Fitri di-bawah anjoran Persatuan Pakatan Pemuda Pemuda Kampong Ayer (3PKA) Brunei akan di-adakan di-rumah Setia Usaha Agong persatuan itu, Awang Mohamed Ali bin Mohamed Yusof pada jam 7.30 malam 27 Januari, 1966.

Pertandingan Ratu Rumah Sakit itu ada-lah terbuka kepada Jururawat2 di-seluruh Negeri Brunei dan akan di-adakan di-bawah anjoran Kaum Muslimin dan Muslimat, Pejabat Perubatan, Brunei.

san Bangar dan Bachaan Sajak oleh Awangku Muhammad bin Pengiran Abdul Rahman.

Majlis tersebut telah di-mulakan dengan bacaan Al-Koran oleh Awang Abdul Ghani bin Orang Kaya Setia Haji Abdul Rahim sa-orang penuntut Sekolah Al-Junied Singapura.

Sambutan Hari Raya Persatuan PERANGKAB

KAMPONG BURONG PINGAI. — Persatuan Angkatan Burong Pingai Brunei (PERANGKAB) akan mengadakan Majlis Perjumpaan Hari Raya bertempat di-Kampung Burong Pingai Berakas pada hari Juma'at 28 Januari, 1966, mulai jam 3 petang.

Di-antara achara2 yang akan di-adakan di-temasha tersebut ia-lah persembahan tarian, nyanyian dan Pesta Ria.

Perjumpaan Hari Raya K.P.P. Sungai Kedayan

KAMPONG SUNGAI KEDAYAN. — Kesatuan Pemuda Pemuda Sungai Kedayan akan menyambut Hari Raya Aidil Fitri dengan mengadakan satu Majlis Perjumpaan di-Ibu Pejabat Kesatuan tersebut pada petang hari Juma'at 28 Januari, 1966. Berbagai2 achara yang meriah akan di-adakan di-temasha tersebut.

RATU RUMAH SAKIT

BANDAR BRUNEI. — Satu Pertandingan Ratu Rumah Sakit akan di-adakan di-Asrama Jururawat Rumah Sakit Besar Bandar Brunei pada 29 Januari mulai jam 7.30 malam, sebagai menyambut Hari Raya Aidil Fitri.

JAWATAN JAWATAN KOSONG

RANCHANGAN MENGHAPUSKAN MALARIA

Pemohonan2 ada-lah di-bela-wa daripada chalon2 yang sesuai dan menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei bagi memenohi jawatan2 kosong yang berikut dalam Ranchangan Menghapuskan Malaria, Brunei.

PEMUNGUT SERANGGA:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- (1) Mesti - lah berkelulusan Darjah VI Melayu dan ada baik-nya jika pemohon2 mempunyai sedikit sebanyak pengetahuan bahasa Inggeris.
- (2) Pemohon2 mesti-lah berbadan sehat.
- (3) Keterangan2 mengenai tugas akan di-beri setelah di-lantek.
- (4) Pengalaman yang sudah2 dalam kerja menchehag Malaria ada-lah satu keistimewaan.

Tugas2:

- (1) Menchari chontoh2 serangga.
- (2) Mesti-lah bersedia bertugas di-sebarang tempat dalam Negeri Brunei dan boleh jadi akan di-kehendaki bertugas pada sebarang masa.

Gaji:

Dalam sukatan \$183x7-211-220x10-260-280-290-300. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

KETUA PASOKKAN:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- (1) Mesti - lah berkelulusan Darjah VI Melayu dan Form II Inggeris.
- (2) Mereka yang tidak mempunyai kelulusan yang di-kehendaki seperti yang di-nyatakan di-para (1) atas tetapi berpengalaman selama lebih dari dua tahun dalam pekerjaan menchehag malaria akan juga di-pertimbangkan.
- (3) Chalon2 mesti-lah biasa dengan kawasan2 luar bandar, adat resam dan kebudayaan penduduk2 luar bandar.
- (4) Pengetahuan teknik tidak di-perlukan. Latehan akan di-beri setelah di-lantek.

Tugas2:

- (1) Mesti-lah bersedia bertugas di-sebarang tempat dalam Negeri Brunei.
- (2) Mesti-lah bersedia membuat tugas2 menchehag malaria yang lain yang di-arah oleh Pengarah, Ranchangan Menghapuskan Malaria sebagai tambahan atau sebagai ganti kerja2 yang tersebut di atas.

Gaji:

Dalam sukatan \$211-220x10-260-280-290-310-330. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan dan pengalaman.

PENEROPONG KUMAN DALAM PERCHUBAAN:

Kelayakan2:

- (1) Mestilah berkelulusan Darjah VI Melayu dan Form III Inggeris.
- (2) Latehan akan di-beri kepada chalon setelah di-lantek.

Tugas2:

- (1) Menyedia dan memereksa chontoh2 darah.
- (2) Mesti-lah bersedia bertugas di-sebarang tempat dalam Negeri Brunei.
- (3) Mesti-lah bersedia membuat tugas2 menchehag malaria yang lain yang di-arah oleh Pengarah, Ranchangan Menghapuskan Malaria sebagai tambahan atau sebagai ganti kerja2 yang tersebut di atas.

gai tambahan atau sebagai ganti kerja2 yang tersebut di atas.

Gaji:

Dalam sukatan \$211-220x10-260-280-290-310-330. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan dan pengalaman.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mestilah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 5 Februari, 1966.

Pemohonan2 dari Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar sechara lazim-nya melalui Ketua2 Pejabat.

Merinyu Kesehatan Perchubaaan

Pemohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan2 Merinyu Kesehatan Perchubaaan di-Pejabat Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

Kelayan2:

Pemohon2 mesti-lah telah mencapai umur 18 tahun tetapi tidak lebih dari 25 tahun, dan mereka mesti-lah dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei atau berhak untuk di-daftarkan sedemikian.

Pemohon2 mesti-lah lulus Pereksaan Overseas School Certificate dengan mendapat kepujian (Credit) dalam bahasa Inggeris, dan sama ada dalam Ilmu Science atau General Science.

Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang boleh menulis dan berbahasa Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan \$240x10-260 - 280.

JAWATAN2 KOSONG — GURU UGAMA TERLATEH

Pemohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 kosong sebagai Guru Agama Terlateh di-Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2:

- Umur di-antara 18 hingga 45 tahun.
- Lulus darjah khas Ugama Johor atau pun sebanding dengan-nya.
- Lulus Darjah V Sekolah Melayu atau sebanding dengan-nya.

Gaji:

Dalam tingkatan gaji \$211-220 x10-260-280-290x20-370-380x 20-560 sa-bulan.

Sharat2 Lantekan:

Kontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Sharat2 Lantekan:

Chalon2 yang terpilih akan di-lantek sechara perchubaaan selama tiga tahun dan mesti-lah memperoleh Sijil "THE ROYAL SOCIETY OF HEALTH" dalam tempoh tersebut. Chalon2 ini akan di-hantar ka-Singapura atau Malaya untuk mengikuti kursus dengan perbelanjaan Kerajaan.

Pemohonan2 dari Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar sechara lazim-nya melalui Ketua2 Pejabat.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mestilah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat, Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 15 Februari, 1966.

PENOLONG JURURAWAT PERCHUBAAN

Pemohonan2 ada-lah di-jemput dari chalon2 perempuan yang menjadi ra'ayat atau berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat DYMM Sultan untuk jawatan sebagai Penolong2 Jururawat Perchubaaan di-Jabatan Perubatan, Brunei.

Kelayakan2 — Pemohon2 mestilah belum kahwin dan berumur lebih dari 18 tahun. Mereka hendak-lah lulus Form I Inggeris, atau darjah VI Melayu dan tahu berbahasa Inggeris serba sedikit.

Sukatan Gaji — Penolong Jururawat Perchubaaan: \$183x7 - 204.

Penolong Jururawat Terlateh: \$211 - 220x10 - 260 - 280 - 290 - 300.

Penolong Jururawat Kanan: \$290x20 - 370 - 380.

Alaon — Pakaian seragam akan di-beri perchuma. Tempat tinggal akan di-sediakan semasa latehan. Sebagai tambahan, alaon chatuan sebanyak \$35 sa-bulan akan di-bayar semasa dalam tempoh perchubaaan.

Perchubaaan — Tempoh perchubaaan lazim-nya ia-lah selama 2 tahun.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi dari Pegawai Perjawatan, Brunei, mestilah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 31 Januari, 1966.

PEGAWAI LUAR PERTANIAN

Pemohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan untuk memenohi jawatan2 sebagai Pegawai Luar Pertanian di-Pejabat Pertanian, Brunei. (4 jawatan).

Kelayakan2: — Mesti-lah lulus sijil (Rendah) dari Maktab Pertanian Serdang, Malaya atau kelulusan yang sebanding dengan-nya.

Gaji — Dalam sukatan \$190x7 - 211 - 220x10 - 260/BAR/290x20 - 370 380x20 - 520.

Pemohonan2 mesti-lah di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 31 Januari, 1966.

PENJAGA DI-PEJABAT SEKOLAH GAMBAR

Pemohonan2 ada-lah di-jemput daripada chalon2 yang menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian untuk memenohi satu jawatan kosong sebagai Penjaga dalam Pejabat Sekolah Gambar, Brunei.

Kelayakan2:

- Chalon2 mesti-lah berumur di-antara 30 tahun dan 40 tahun;
- Keutamaan akan di-beri

kepada chalon2 yang tinggal berdekatan dengan kawasan Sekolah Gambar, Brunei, di-Kota Batu.

Gaji: Dalam sukatan gaji \$183x 7 - 211-220 x 10-260-280-290 - 300.

Pemohonan2 mestilah di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 29 Januari, 1966.

1. Tawaran2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei, daripada kontrektor2 kelas "A" sahaja yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei, sahingga jam 12.00 tengah hari, hari Thalatha, 1 Februari, 1966, bagi:-

MEMBINA EMPAT BUAH FLAT UNTUK GURU-GURU DI-JALAN ONG SUM PING, BANDAR BRUNEI.

2. Pelan2 dan Penentuan2 (specification) boleh di-lihat dan segala butir2 lain boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara Brunei semasa pejabat di-buka.

3. Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang2 tawaran yang terchetak yang boleh di-dapati dengan membayar wang chengkeram tawaran sebanyak \$500.00 (Lima Ratus Ringgit).

4. Wang Chengkeram akan di-kembalikan kepada penawar2 yang tidak berjaya salepas keputusan-nya di-siarkan. Wang chengkeram bagi penawar2 yang berjaya akan hilang jika ia menulak kejayaan-nya itu.

5. Tawaran2 mesti-lah di-masokkan ka-dalam sampol2 surat yang bertutup, dengan tidak mengenalkan nama penawar, di-atas sampol surat "Tawaran bagi MEMBINA 4 BUAH FLAT UNTUK GURU-GURU DI-JALAN ONG SUM PING, BANDAR BRUNEI" dan di-alamat kepada Pengurus, Lembaga Tawaran, di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei.

6. Tawaran2 yang di-buat lain daripada yang di-kehendaki akan di-tolak.

7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sebarang tawaran.

Tawaran Tawaran dan Jawatan2 Kosong

1. Tawaran2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei, sahingga jam 12.00 tengah hari, hari Thalatha, 1 Februari, 1966, bagi:-

MENGADAKAN 2 BUAH DUMP TRUCK BERAT 10/12 TON DENGAN HARGA C.I.F. BRUNEI.

2. Penentuan2 (specification) boleh di-lihat dan segala butir2 lain boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara Brunei semasa pejabat di-buka.

3. Tawaran2 mesti-lah di-masokkan ka-dalam sampol2 surat yang bertutup, dengan tidak

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau mereka yang berhak bagi di-daftarkan sedemikian untuk memenohi beberapa jawatan kosong yang berikut di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei:-

1. IMAM (4 jawatan).
2. KHATIB (2 jawatan).
3. BILAL (1 jawatan).

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 30 tahun dan 40 tahun. Mereka hendak-lah tahu menulis dan membaca serta mengetahui tugas2 berkaitan dengan jawatan yang di-minta.

Pepereksaan bertulis akan di-adakan dalam perkara2 yang berikut:-

- (a) Ibadat, (b) Munakahat, (c) Jinayat dan (d) Tauhid.
- Satu temu-duga dalam perkara2 yang berikut akan juga di-adakan:-
- (a) Bachaan Al-Quran;

mengenalkan nama penawar, di-atas sampol surat "Tawaran bagi MENGADAKAN 2 BUAH DUMP TRUCK BERAT 10/12 TON DENGAN HARGA C.I.F. BRUNEI" dan di-alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran, di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei.

4. Tawaran2 yang di-buat lain daripada yang dikehendaki akan di-tolak.

5. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sebarang tawaran.

- (b) Bachaan dalam sembahyang.
- (c) Khutbah (bagi Imam dan Khatib sahaja);
- (d) Tarhim (bagi Bilal sahaja).

Pegawai2 yang bekerja di-Masjid Omar Ali Saifuddin ada-lah di-utamakan.

Gaji:

1. IMAM — \$240x10-340 \$350 x10-400 \$410x10-480.
2. KHATIB — \$200x10-300— \$310x10-400.
3. BILAL — \$180x10-380.

Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, tidak lewat daripada 4 Februari, 1966. Permohonan2 yang di-terima sa-lepas tarikh tersebut tidak akan di-layan.

Di-Jabatan Bandaran Brunei

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian untuk memenohi jawatan2 berikut di-Jabatan Bandaran Brunei:-

(a) **TRADESMAN TINGKAT KHAS** (1 jawatan kosong).

Gaji: Dalam sukatan gaji \$380 x20-480.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Berumur tidak kurang dari 30 tahun dan berkelulusan darjah VII Sekolah Melayu atau Form I Sekolah Inggeris. Berpengalaman selama lapan tahun sebagai Tradesman.

(b) **PENYELENGGARA SEKTOR TINGKAT III** (1 jawatan kosong).

Gaji: Dalam sukatan gaji \$200 x10-330.

Kelayakan2: Berumur tidak kurang dari 20 tahun dan berkelulusan sekurang2-nya darjah VII Sekolah Melayu atau Form I Sekolah Inggeris.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 18 Februari, 1966.

Permohonan2 dari Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar secharam lazim-nya melalui Ketua2 Pejabat.

Peraduan Cherpen Untuk Bachaan Kanak2 Anjoran D.B.P. Brunei

BANDAR BRUNEI. — Penulis2 dalam Negeri Brunei adalah di-jemput untuk memasoki Peraduan Cherpen Untuk Bachaan Kanak2.

Sharat2 peraduan ada-lah seperti berikut:-

Peraduan ini terbuka kepada penulis2 dalam Negeri Brunei sahaja.

Cherpen untuk peraduan ini

mesti-lah sesuai untuk bachaan kanak2 yang berumur 6 tahun hingga 10 tahun.

Bahan2 cherpen mesti-lah merupakan chiptaan asli penulis-nya sendiri dan belum pernah di-terbitkan melalui buku2 atau majallah2 atau di-siarkan melalui radio.

Panjang cherpen mesti-lah di-antara 1,000 dan 1,500 per-

kataan.

Setiap cherpen yang di-hantar untuk memasoki peraduan, hendak-lah di-sertakan dengan borang "PERADUAN CHERPEN KANAK2".

Cherpen hendak-lah di-tulis di-atas kertas keping ukuran biasa (kertas kajang) pada sabelah muka sahaja.

Jika menggunakan mesin tulis

(taip) buat-lah dengan jarak dua barisan ("double spacing") dan hendak-lah di-hantar sebanyak tiga salinan. Peraduan cherpen ini akan di-tutup pada 31 Januari, 1966. Keputusan hakim dalam peraduan ini ada-lah mu'tamad dan sebarang bantahan tidak akan di-layani.

Borang dan keterangan lanjut mengenai peraduan cherpen ini boleh di-dapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

HADIAH2

Hadiah2 akan di-berikan kepada pemenang2 yang berjaya.

Cherpen hendaklah di-hantar kepada:-

Peraduan Cherpen Bachaan Kanak2,
d/a Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Brunei, Brunei.

PERINGATAN:

Pegawai2 Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, tidak di-benarkan memasoki peraduan ini baik secharam langsung atau pun tidak langsung.

Kursus Pertanian Di-Kampong Rambai

TUTONG.—Satu Kursus Pertanian untuk anggota2 Persatuan Peladang Kampong Rambai akan di-adakan selama seminggu mulai pada akhir bulan ini.

Pada hari Ithnin 7 Februari, 1966, anggota2 Persatuan Peladang Kampong Rambai itu

akan di-bawa untuk melawat ka-Pusat Pertanian di-Kilanas di-mana mereka akan di-berikan sharahan2 dan pertunjukkan mengenai perkara2 yang bersangkut paut dengan pertanian oleh Pegawai2 yang berkenaan dari Jabatan Pertanian Negeri Brunei.

Penolong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh akan memberikan ucapan pada akhir lawatan peladang2 tersebut ka-Pusat Pertanian di-Kilanas.

Kursus sa-demikian akan di-adakan untuk anggota2 Persatuan Peladang Kampong Panchong mulai pada 14 Februari hingga ka-18 Februari.

Mulai pada 28 Februari hingga ka-4 Mach pula, kursus sa-demikian juga akan di-adakan untuk anggota2 dari Persatuan Peladang Kampong Panchong.

Perkhemahan Pandu2 Puteri

JERUDONG. — Pandu2 Puteri dari seluruh Negeri Brunei telah menghadhiri Perkhemahan Pandu Puteri di-Pantai Jerudong pada masa selepas persekolahan baru2 ini.

Berbagai2 achara telah di-adakan di-temasha perkhemahan tersebut dan Pandu2 Puteri yang mengambil bahagian telah bergembira semasa di-adakan perkhemahan itu.

Sambutan Hari Raya Puasa dan Tahun Baru China 2 Hari Berasingan

BANDAR BRUNEI. — Umat Islam di-seluruh Negeri Brunei telah menyambut Hari Raya Aidil Fitri pada hari Ahad 23 Januari, 1966, dengan sa-chara meriah dan besar2an dari tahun2 yang lalu.

Pada petang hari Khamis 20 Januari, 1966, Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Pegawai2 dari Jabatan Ukur Negara telah pergi ka-Pantai Berakas untuk melihat anak bulan Shawal.

Oleh kerana anak bulan Shawal telah tidak kelihatan pada petang hari tersebut, maka Umat Islam di-seluruh negara telah menyambut Hari Raya Aidil Fitri pada hari Ahad yang lalu.

Beribu2 orang umat Islam telah membantiri Masjid Omar Ali Saifuddin di-Bandar Brunei dan juga Masjid2 yang lain di-seluruh negara pada pagi Hari Raya Puasa yang mulia itu.

D.Y.M.M. DI-LONDON

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin yang telah berangkat ka-United Kingdom beberapa minggu yang lalu, kini bersemayam di-sana dan Berhari Raya bersama2 dengan Putera2 dan Puteri2 Baginda.

Pada tahun ini umat Islam dan kaum Tiong Hua di-Negeri Brunei telah bersukaria bersama2 menyambut Hari Raya masing2, dua hari berasingan.

Hari Raya China pada tahun ini ia-lah pada hari Juma'at 21 Januari, manakala Hari Raya Puasa pula ia-lah dua hari kemudian.

"KONG HEE FATT CHOI"
Jadi-nya pada hari Ahad yang lalu kaum Tiong Hua di-Negeri Brunei telah menguchapkan "Selamat Hari Raya" kepada Umat Islam, manakala umat Islam pula telah menjawab "Kong Hee Fatt Choi".

Menteri Besar Brunei Menyeru Raayat

(Dari muka 1)

keyakinan bahawa dengan berjalannya rancangan sistem kementerian maka kita akan maju sa-tapak kararah chita2 kita.

Dalam pada itu kemajuan Perlembagaan yang sedang di-ranchangkan itu tidak ada erti-nya sakira-nya ra'ayat di-negeri ini berpechah belah. Oleh yang demikian saya berseru kepada seluruh ra'ayat di-negeri ini mudah-mudahan dengan berkat hari baik dan bulan baik ini kita akan bersatu padu dan mari-lah kita berkerjasama, mari-lah kita berusaha mencari jalan untuk kebaikan dan kemaamoran negeri kita Brunei Darul Salam yang di-chintai ini.

KEMA'AMORAN DAN KETENTERAMAN

Saya memperchayai tiap2 orang ra'ayat di-negeri ini sa-memangnya telah berchita2 supaya negeri ini sentiasa berada di-dalam kemaamoran dan ketenteraman. Mudah-mudahan chita2 itu akan di-ridai oleh Tuhan supaya negara kita yang di-kasehi ini akan sentiasa aman tenteram buat selama2-nya.



Stem2 khas bagi memperingati mendiang Sir Winston Churchill.

PERTANDINGAN BINTANG RADIO BRUNEI

(Dari muka 1)

Brunei pada malam di-adakan Pertandingan Bintang Radio tersebut.

Sebagai mengambil sempena Pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1966, penaja pertandingan menyanyi itu akan menerbitkan majallah "Chenderamata Bintang".

Chenderamata Bintang itu akan di-jual di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada malam tersebut dengan harga 50 sen sa-naskhah.

Pada malam hari Sabtu 29 Januari pula, Radio Brunei Diraja Brunei tahun 1966 telah di - langsungkan di - Madrasah Berakas Kem, pada malam 20 Januari, 1966.

Peraduan yang di-adakan bagi julong2 kali-nya bagi pasokan Askar Melayu Diraja Brunei itu ada-lah semata2 un-

25 Orang Lagi Bekas Orang2 Tahanan Di-Bebaskan

BUNUT. — Seramai 25 orang lagi, bekas orang2 tahanan telah di-bebaskan sa-lepas menghadhiri kursus pemulehan selama sa-bulan di-Pusat Pemulehan Bunut baru2 ini.

Dengan ini, sa-jumlah 1,605

orang bekas orang2 tahanan telah di-bebaskan.

Sa-beum bekas orang2 tahanan itu di-bebaskan, Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun telah melawat ka-Pusat Pemulehan Bunut di-mana beliau telah memberikan ucapan kepada bekas orang2 tahanan itu.

Uchapan yang telah di-lafadzkan oleh Yang Amat Berhormat Seri Paduka Marsal, ada-lah mengandongi nasehat2 yang berfaedah kepada bekas orang2 tahanan tersebut. Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa pekerjaan telah pun di-dapati untuk beberapa orang bekas orang2 tahanan itu dan pekerjaan2 yang sesuai akan di-perolehi untuk beberapa orang lagi bekas orang2 tahanan itu.

Lawatan Rombongan 'Doktor Penerbangan'

BANDAR BRUNEI. — Rombongan Perubatan yang menggunakan helikopter akan melawat ka-beberapa tempat di-Negeri Brunei dalam bulan ini dan bulan hadapan.

Tempat2 yang akan di-lawati itu dan tarikh-nya adalah saperti berikut:

26 Januari — Batu Apoi, 29 Januari — Badas dan Sukang, 31 Januari — Lamlaling.

2 Februari — Supon Besar dan Supon Kechil, 5 Februari — Pangkalan Batu, 7 Februari — Amo, Batang Duri dan Kampong Sibut, 9 Februari — Melilas.

105,153 Stem2 Khas Bagi Memperingati Sir Winston Churchill Di-Jual Pada 24 Jan.

BANDAR BRUNEI. — Sa-jumlah 105,153 stem2 khas bagi memperingati mendiang Sir Winston Churchill telah di-jual di-semua Pejabat2 Pos di-Negeri Brunei pada hari Itnin 24 Januari, 1966.

Stem2 khas itu ada-lah mengandongi stem2 yang berharga 3 sen, 10 sen, 15 sen dan 75 sen.

Stem khas itu yang banyak sekali di-jual pada hari pertama penerbitan-nya ia-lah stem2 yang berharga 3 sen, ia itu sa-jumlah 30,732 stem.

Lain2 stem khas yang di-jual pada hari tersebut ada-lah saperti berikut:

Stem2 10 sen sa-jumlah 28,551 keping, Stem2 15 sen sa-jumlah 26,593 keping dan stem2 75 sen sa-jumlah 19,277 keping.

Menurut penerangan Pengawal Pos Negara, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan, stem2 khas itu akan di-jual di-semua Pejabat2 Pos di-Negeri Brunei selama tiga bulan atau pun sa-hingga masa stem2 itu habis di-jual.

Peraduan Bachaan Al-Koran Pasokan A.M.D. Brunei

BERAKAS KEM. — Satu peraduan membacha Al-Koran bagi pasokan Askar Melayu Diraja Brunei tahun 1966 telah di - langsungkan di - Madrasah Berakas Kem, pada malam 20 Januari, 1966.

Peraduan yang di-adakan bagi julong2 kali-nya bagi pasokan Askar Melayu Diraja Brunei itu ada-lah semata2 un-

tok meluaskan dan menanamkan semangat chintakan agama dan ajaran2 Al-Koran di-kalangan anggota2 pasokan tersebut.

Kaptan Mohammad bin Haji Daud yang menjadi pengrusi peraduan tersebut dalam ucapan-nya telah menyebut-kan bahawa peraduan itu akan di-adakan pada tiap2 tahun.

Kata-nya, anggota2 Askar Melayu Diraja Brunei ada-lah di-galakkan supaya mempelajari pembachaan kitab suci Al-Koran.

Peraduan tersebut ada-lah terbahagi kepada dua bahagian ia-itu bahagian lelaki dan perempuan yang menjadi isteri2 anggota pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.

Keputusan peraduan malam itu ada-lah saperti berikut:

Johan bahagian lelaki bagi tahun 1966 di-menangi oleh B/3322 Pte. Osman bin Idris; Naib Johan, di-menangi oleh B/3425 Pte. Momin bin Labu, dan yang ketiga di-menangi oleh B/3262 Pte. Yanam bin Ismail.

Johan bahagian perempuan tahun 1966 di-menangi oleh Dayang Fatimah binte Atan; Naib Johan, Dayang Habsah bte. Salam, dan yang ke-tiga di-menangi oleh Dayang Jamilah binte Md. Noor.

Dua biji perisai rebutan bagi johan dalam kedua2 bahagian telah di-hadiahkan oleh Kaptan Mohammad bin Haji Daud.

Hadah2 telah di-sampaikan oleh Dayang Ramlah binte Abdul Ghani, isteri kapada Leftanan Md. Yusuf bin Said.